



**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA**

No. 26, JALAN TUN HUSSEIN, PRESINT 4,
62100 PUTRAJAYA, MALAYSIA

10 Jun 2017

UNTUK SIARAN SEGERA

KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA

Laporan tidak tepat pemasangan kamera AES di Miri, Sarawak

Merujuk kepada laporan di laman web See Hua Daily berhubung 3 kamera AES yang akan dipasang di tiga lokasi di Miri pada tahun ini, Kementerian Pengangkutan Malaysia ingin menyatakan bahawa laporan tersebut adalah tidak benar sama sekali.

Seperti yang diketahui umum, Menteri Pengangkutan, YB Dato' Sri Liow Tiong Lai telah mengumumkan bahawa pelaksanaan sistem AES telah digabungkan dengan sistem KEJARA bagi membentuk satu sistem penguatkuasaan yang dinamakan AwAS.

Sistem AwAS ini telah berkuatkuasa bermula 15hb. April 2017 yang lalu dengan 14 kamera sedia ada di mana kesemuanya pada masa ini hanya dipasang di Semenanjung Malaysia. Dalam usaha kerajaan untuk memastikan keselamatan jalan raya terjamin, Kementerian Pengangkutan akan menambah 7 lagi kamera di 7 lokasi yang telah dikenalpasti di Semenanjung Malaysia. Maka, laporan

yang mendakwa bahawa akan terdapat tiga kamera yang akan di pasang di Miri pada tahun ini adalah tidak tepat.

Kementerian Pengangkutan tidak pernah menetapkan sebarang jumlah kamera yang akan dipasang, sebaliknya pemilihan lokasi pelaksanaan sistem AwAS akan melalui proses kajian terperinci dengan mengambil kira pandangan masyarakat setempat dan kekerapan berlakunya kemalangan terhadap lokasi-lokasi cadangan.

Setakat ini hanya 7 lokasi baru sistem AwAS yang telah dikenalpasti dan dilaksanakan seperti yang diumumkan oleh YB Menteri Pengangkutan. Justeru itu, laporan yang menyatakan bahawa terdapat sebanyak 831 unit kamera akan dipasang di seluruh negara dengan 18 unit daripadanya akan dipasang di negeri Sarawak adalah tidak benar.

Kementerian Pengangkutan juga ingin manafikan laporan sama yang turut mendakwa bahawa sistem AwAS akan mengambil alih semua bidang kuasa penguatkuasaan kesalahan had laju pihak Polis dan penguatkuasaan kamera bergerak. Kedua-dua penguatkuasaan terbabit masih lagi di bawah bidang kuasa pihak Polis.

Kementerian Pengangkutan Malaysia ingin menyeru agar semua pihak supaya sentiasa merujuk kepada Kementerian Pengangkutan Malaysia untuk maklumat terkini dan tepat mengenai sistem AwAS.

[TAMAT]